

CNS5977

U GB 11-06 00178 BA859

BAH

Mahathir - MATRADE

MALAYSIA PERLU KELUARKAN BARANGAN BERMUTU TINGGI

KUALA LUMPUR. 11 Jun (Bernama) -- Malaysia perlu dikenali sebagai negara pengeluar barangan berkualiti tinggi dan mampu menandingi keluaran negara lain pada peringkat antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, strategi pembangunan keluaran masa depan hendaklah diarah untuk menjadikan keluaran negara mempunyai kelebihan komparatif berdasarkan teknologi, kualiti dan kepelbagaian keluaran.

Pembangunan pengeluaran tidak harus lagi hanya berasaskan sumber-sumber sedia ada dan kos buruh yang relatif rendah, katanya ketika berucap malancarkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di Hotel Hilton, di sini.

"Ini boleh memastikan kita sentiasa mendahului saingan dan dengan itu menerajui kemasukan barangan buatan Malaysia ke pasaran antarabangsa melalui kelebihan daya saingan dan kualiti," katanya.

Strategi seumpama itu telahpun dilaksanakan dengan jaya oleh beberapa negara di Asia Timur dalam membangunkan industri berasaskan eksport mereka, katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Pengerusi MATRADE, Tunku Tan Sri Ahmad Yahya dan anggota-anggota lembaga pengarahnya hadir pada mailis itu. -- Lagi.

11/06/18-50MST

U GB 11-05 00140 BA865

BAH

Mahathir - MATRADE 2 Kuala Lumpur

"Di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, eksport sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 16 peratus setahun dan sumbangan kepada jumlah eksport negara pula dijangka meningkat daripada 60.4 peratus pada tahun 1990 kepada 81.8 peratus menjelang tahun 2000," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara juga perlu meningkatkan kepakaran dalam sektor perkhidmatan kerana ia mempunyai potensi eksport yang tinggi.

"Setakat ini ada firma-firma Malaysia yang telah mengeksport perkhidmatan tetapi adalah difikirkan bahawa satu strategi perlu digubal dan program yang lebih menyeluruh disediakan bagi eksport perkhidmatan ini," katanya.

MATRADE telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan program-program yang dapat meningkatkan prestasi eksport perkhidmatan oleh svarikat-svarikat Malaysia, katanya.

Dr Mahathir berkata, satu perkara yang perlu mendapat perhatian semua pihak yang terlibat dengan dagangan antarabangsa ialah penggunaan kemudahan negara. -- Lagi.

▼11/06/19-05MST

U GB 11-06 00137 BA869

BAH

Mahathir - MATRADE 3 Kuala Lumpur

Menurutnya, negara kehilangan ribuan juta ringgit setiap tahun kerana perdagangan Malaysia menggunakan kepakaran, organisasi dan kemudahan negara ketiga. . .

"Oleh kerana ini bukan sahaja pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal kita tidak mendapat keutamaan tetapi juga berbagai-bagai jenis perniagaan seperti pengangkutan, pembungkusan, pengendalian kontena, insurans dan keqiata~~n~~ sampingan di pelabuhan-pelabuhan tidak berkembang.

"Kerajaan sedar akan alasan biasa iaitu pelabuhan kita dan urusannya dianggap tidak efisien seperti pelabuhan asing. Tetapi semua ini boleh dibetulkan." katanva.

Dr Mahathir berkata, prestasi Pelabuhan Klang sudahpun meningkat setelah penswastanya dan kerajaan sedang membesarkan lagi pelabuhan itu dan pelabuhan-pelabuhan lain.

Sistem "Electronic Data Interchange (EDI)" akan diperkenalkan tidak lama lagi di pelabuhan itu, yang telah diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai oleh kerajaan untuk menjadikannya pelabuhan entrepot, katanya.  
-- Ladi.

▼11/06/19-28MST

CNS6065

U GB 11-06 00151 BA870

BAH

Mahathir - MATRADE (Akhir) 4 Kuala Lumpur

Sambil meminta pedagang Malaysia lebih menggunakan Pelabuhan Klang, Dr Mahathir berkata, perdagangan entrepot di pelabuhan itu akan mewujudkan banyak peluang perniagaan dan menjadikan Pelabuhan Klang lebih penting di rantau ini.

Beliau berharap MATRADE dapat meningkatkan usaha menyediakan maklumat perdagangan yang diperlukan masyarakat pedagang seperti maklumat berkenaan pasaran, keperluan import, peluang perdagangan dan risikan perdagangan.

"Penubuhan MATRADE adalah satu tindakan kerajaan untuk mengukuhkan prestasi eksport Malaysia sama ada eksport barangan ataupun perkhidmatan," katanva.

Katanva, Malaysia boleh berbanda kerana mempunyai hubungan perdagangan dengan kebanyakan negara dan telah disenaraikan antara negara perdagangan utama di dunia sama ada daripada segi eksport ataupun import.

"Ini membuktikan bahawa pasaran kita terbuka kepada negara lain. Sebenarnya Malaysia ialah antara sebilangan kecil negara di dunia yang terdapat barangan daripada seluruh pelusuk dunia dijual dengan bebas," katanva. -- Bernama.

AZZ KAM.

11/06/19-44MST